

# Rianlon Corporation umum bina kilang di Johor

**Rianlon** Corporation, peneraju global dalam bidang polimer antipenuaan dan kosmetik, mengumumkan komitmennya untuk membangunkan sebuah kilang pembuatan serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu hasil pertemuannya dengan wakil syarikat China berkenaan semalam, sempena lawatan kerja empat hari beliau ke China.

Pertemuan tertutup bersama

Ketua Pegawai Eksekutif Rianlon, Li Haiping dan Ketua Pegawai Teknologi, Sun Chunguang, berlangsung di Hotel Banyan Tree Tianjin Riverside.

Anwar berkata, Rianlon akan melabur sebanyak RM820 juta dalam projek itu.

“Pelaburan ini akan mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat,” katanya.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz melalui hantaran di media sosial

berkata, projek itu akan ditempatkan di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Johor.

Katanya, projek itu bakal menyediakan lebih 300 pekerjaan berkemahiran tinggi serta mengukuhkan ekosistem kimia khusus negara.

“Pelaburan ini bukan sahaja mencipta peluang pekerjaan tetapi juga membawa masuk teknologi maju, menyokong matlamat Rancangan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030,” katanya di X.

“Ini satu langkah ke hadapan

dalam memperkukuh ekosistem kimia khusus negara dan melonjakkan Malaysia ke rantai nilai lebih tinggi,” katanya.

“MITI mengalu-alukan pelaburan Rianlon dan bersedia menjadi rakan dalam inovasi serta pertumbuhan industri,” katanya.

Sementara itu, Anwar dalam pertemuan lain turut menerima kunjungan pemimpin tertinggi China Communications Construction Company Limited (CCCC), kontraktor utama projek Laluan Rel Pantai Ti-

mur (ECRL).

Beliau bertemu Pengerus: CCCC, Song Hailiang, serta Nail Presiden syarikat itu, Cher Zhong.

“Bersama CCCC, saya menelit perkembangan projek ECRI yang kini menjadi simbol per sahabatan antara Malaysia dan China di bawah Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI).

“Insya-Allah, ECRL akan merapatkan jurang pembangunan wilayah dan memberi limpahan ekonomi kepada rakyat,” katanya.